

ETR 300  
RANCANGAN PERNIAGAAN

## D' CARPET GALLERY

DISEDIAKAN UNTUK :-

PN ZUBAIDAH BT ZAHIRUDDIN  
PENSYARAH ETR 300

DISEDIAKAN OLEH :-

HERMANSHAH RAMLI	95445718
IDAYUAMIMAH IBRAHIM	95986194
MUAMAR RAFAEI MD KAMAL	94520187
SHERINA SETH	95967586
TENGGU NURAL TENGGU ASRI	95377548
ZALINA ABD LATIF	95829067

DIPLOMA PENGAJIAN PERNIAGAAN 5B

20 FEBRUARI 1998



# INSTITUT TEKNOLOGI MARA

## CAWANGAN MELAKA

### MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: **12hb. November 1997** Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka  
Surat Tuan: Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771  
Surat Kami: **100-CM(AKA 37/B)** Telefax: 06-563963 **06-5591067**

#### KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,


Adalah dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang berikut adalah pelajar Diploma Pengajian Perniagaan, di Institut Teknologi MARA, Cawangan Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.

<u>Bil</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. ITM</u>
1.	Hermanshah Ramli	95445718
2.	Muamar Rafaei Md Kamal	94520187
3.	Zalina Abd Latif	95829067
4.	Idayuamimah Ibrahim	95986194
5.	Tengku Nural Tengku Asri	95377548
6.	Sherina Seth	95967586

Sehubungan dengan itu, dapat kiranya pihak tuan memberikan kerjasama yang diperlukan. Semua maklumat yang diterima akan digunakan untuk tujuan akademik sahaja.

Sekian, di atas perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Yang benar,

  
**SHAHARIAH HJ OSMAN**  
Ketua Kursus DBS  
ITM Melaka  
b/p Pengetua

## **SURAT PENYERAHAN**

**Diploma Pengajian Perniagaan  
Kajian Pengurusan Perniagaan  
Institut Teknologi MARA  
Cawangan Melaka  
78000 Alor Gajah  
Melaka**

**Puan Zubaidah  
Pensyarah Subjek Asas Keusahawanan  
Institut Teknologi MARA  
Cawangan Melaka  
78000 Alor Gajah  
Melaka**

Puan,

### **Laporan Rancangan Perniagaan**

**Merujuk kepada perkara di atas, kami telah diarahkan untuk menyediakan sebuah rancangan perniagaan pada 18 November 1997. Sehubungan dengan itu, kami telah memilih tajuk D' Carpet Gallery iaitu sebuah kedai yang menjual dan memasang permaidani dari pelbagai jenis.**

## 1.0 PENGENALAN

D' CARPET GALLERY merupakan sebuah perniagaan perkongsian yang khusus di dalam menjual, memasang dan mencuci permaidani dan ia mempunyai potensi besar untuk maju.

Terdapat beberapa faktor yang membuat kami memilih perniagaan ini.

Antaranya : -

- ≈ Di dalam zaman yang serba canggih dan kepesatan pembangunan negara maka kami mengambil keputusan yang bijak untuk menceburi dunia perniagaan demi merealisasikan matlamat Wawasan 2020 untuk melahirkan masyarakat perniagaan dan industri bumiputera.
- ≈ Permintaan terhadap permaidani dijangka akan terus meningkat memandangkan ianya sangat diperlukan oleh industri komersial dan juga dari pelbagai pihak awam dan swasta.
- ≈ Kurangnya penglibatan usahawan-usahawan di dalam perniagaan permaidani ini.
- ≈ Perniagaan permaidani ini mempunyai potensi untuk mengaut keuntungan yang lumayan.

Perniagaan kami terletak dikawasan perumahan kedai Jalan Tengku Ampuan Zabedah, Seksyen 9, Shah Alam, Selangor. Kami memilih lokasi ini kerana kawasan ini mempunyai ramai pengunjung yang terdiri daripada pelbagai golongan manusia termasuk pelancong-pelancong. Ini adalah kerana ia terletak berhampiran dengan kawasan perumahan mewah, kompleks membeli-belah " Shah Alam Mall ", Hotel Concorde dan pelbagai jenis perniagaan yang lain di kawasan rumah kedai itu sendiri seperti bank, restoran, pejabat dan sebagainya. Kawasan ini juga adalah sebuah kawasan yang berpotensi untuk membangun dengan pesat.

Selain daripada itu kawasan ini merupakan ibu negeri Selangor dan sepertimana yang diketahui bahawa Shah Alam juga adalah sebuah bandar yang terancang. Ianya juga berdekatan dengan pusat pengajian tinggi, kilang-kilang, sekolah-sekolah, pejabat-pejabat kerajaan dan syarikat swasta. Ini telah memberi kami peluang untuk membuka dan memperkembangkan lagi perniagaan kami.